



RUANG di bekas pejabat pentadbiran yang terletak di bawah tanah.

INFO



## Muzium Perang

- Dibuka setiap hari dari pukul 9 pagi hingga 6 petang.
- Terletak 17 kilometer dari pusat bandar George Town, Pulau Pinang.
- Alamat Muzium Perang: No Lot 1350, Mukim 12, Batu Maung, Daerah Barat Daya, 11960 Pulau Pinang.

## Sejarah Peperangan

- Perang Dunia Pertama 1914-1918.
- Perang Dunia Kedua 1939-1945.
- Pembinaan landasan keretapi maut Siam-Burma 1942-1945.
- Darurat Malaya 1948-1960.
- Konfrontasi Indonesia 1963-1966.
- Tempoh Re-Insurgensi 1968-1990.

# Tarikan lama dan baru

Kosmo m/s 20.11.07

Pihak kerajaan dan swasta perlu bekerja sama dalam usaha menjaga warisan bangsa agar kekal dipulihara sekali gus menjadikan Malaysia kaya dengan sejarah dan dapat membantu meningkatkan sektor pelancongan negara.

**W**ALAU PUN dunia ketika ini sibuk mengejar pembangunan yang berteraskan hutan batu dan konkrit, namun selumit tinggalan sejarah yang masih ada perlu dikekalkan dan dipulihara supaya generasi akan datang tahu asal-usul tempat kelahiran mereka sebelum digamit arus pembangunan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar negeri, Teng Chang Yeow ketika ditemu bual *KOSMO!* berkata, bangunan bersejarah mempunyai nilai-nilai nostalgia dari segi sejarah dan warisan seni bangsa yang perlu dikekalkan sepanjang masa.

Katanya, bangunan-bangunan bersejarah ini perlu dipelihara kerana ia mengingatkan kita kepada sejarah penjajahan yang secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan antara kaum dan semangat patriotisme di kalangan muda-mudi masa kini.

“Jika mahu mengenal sejarah, ia tidak cukup melalui pembacaan buku-buku sebaliknya perlu disertai dengan tinjauan ke lokasi yang dimaksudkan untuk memberi kesan yang lebih baik kepada seseorang,” katanya lanjut.

Tambah Chang Yeow, kerakusan manusia mengejar pembangunan perlu ada batasan kerana jika nilai komersial diutamakan sehingga memusnahkan warisan lama yang ditinggalkan generasi dahulu, sudah pasti tiada lagi keistimewaan yang ada pada bangsa kita pada hari ini.

Justeru, katanya, usaha memulihara bangunan-bangunan bersejarah ini perlu dijalankan agar generasi akan datang berpeluang melihat dan menikmati sejarahnya.

Katanya, di samping itu adalah diharapkan ia dapat menarik pelancong asing dan tempatan yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi melalui industri pelancongan.

“Masyarakat, pihak kerajaan dan swasta perlu bekerjasama dalam usaha menjaga warisan bangsa agar kekal dipulihara sekali gus menjadikan Malaysia



**BARANG** peninggalan yang terdapat dalam kubu perang di Batu Maung, Pulau Pinang.

kaya dengan sejarah dan dapat membantu meningkatkan sektor pelancongan negara,” katanya.

Sebagai contoh, kata Chang Yeow, Muzium Perang yang ketika ini menjadi antara lokasi tarikan pelancong di Pulau Pinang memerlukan publisiti yang lebih luas supaya ia lebih dikenali dan men-

dapat perhatian jutaan penduduk yang ada di negara ini.

Malah katanya, kerajaan negeri juga telah menerima suntikan dana berjumlah RM5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi menjalankan kerja-kerja menaik taraf dan meningkatkan daya tarikan khazanah

berharga dalam negara ini.

Selain itu, sesuatu yang lama pasti menjadi lebih menarik jika terdapat perkara baru yang ditampilkan. Menyedari kehendak pengunjung yang pelbagai, beberapa produk dan perkhidmatan baru turut ditawarkan kepada orang ramai di Muzium Perang yang terletak di Bukit Batu Maung, Pulau Pinang.

Antara yang baru dimuatkan di situ ialah kewujudan Paintball Park yang melanelan belanja sehingga RM200,000 bagi pembelian peralatan, penyediaan lokasi, alat ganti dan promosi khusus untuk pengunjung Muzium Perang.

“Muzium Perang ini merupakan bekas kubu perang sebenar dan lokasi ini amat unik dipromosikan semula sebagaimana asalnya yang menampilkan peperangan dan aksi-aksi secara langsung kepada para pelancong semasa melawat muzium ini,” kata Pengurus Besar Muzium Perang, Jenny Johari.

Menurutnya, program pelancongan paintball ini adalah sebagai kempen mengelakkan jenis-jenis peperangan yang sedang melanda dunia ketika ini kerana peserta bakal didedahkan kepada bahaya peperangan sebenar, di samping merasai suasana bermain sukan ekstrem ini di tempat yang begitu strategik.

Sukan yang semakin popular itu ditawarkan dalam pelbagai pakej dengan harga minimum RM1 hinggalah kepada pakej seperti Pakej Platinum (RM143), Pakej Gold (RM123), Pakej Silver (RM99) dan Pakej Bronze (RM75).

Selain itu, turut dijangka menarik minat pengunjung ialah aktiviti seperti pengembaraan mistik pada waktu malam, merentas hutan, eksplorasi terowong sedalam 100 kaki, penginapan ala perkhemahan, dan program ilmiah berbentuk *team building* yang dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan Muzium Perang.

Tuntut maklumat lanjut mengenai muzium yang penuh dengan kisah silam itu, sila hubungi talian khidmat pelanggan 04-421 3606 atau talian mudah alih 016-421 3606.